

04/03/1998

Dua ahli MT kekal jawatan ketua bahagian

KUALA TERENGGANU, Selasa - Dua ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno di Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Datuk Dr Yusof Nor disahkan mengekalkan jawatan ketua bahagian masing-masing berikutan tiada pertandingan bagi jawatan itu.

Wan Mokhtar ialah Ketua bahagian Kemaman manakala Dr Yusof, Ketua bahagian Besut. Dr Yusof sebelum ini disebut-sebut akan dicabar bekas Setiausaha Umno bahagian, Daud Abu Bakar.

Bagaimanapun, Daud menarik diri di saat akhir setelah mencapai kata sepakat dengan pemimpin Umno bahagian itu dan mematuhi arahan Presiden Umno supaya ahli MT tidak dicabar.

"Saya membuat keputusan menarik diri daripada menentang Dr Yusof bagi mematuhi arahan MT Umno dan menghormati arahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ahli MT tidak boleh mencabar dan dicabar.

"Arahan itu sepatutnya dihormati semua ahli kecuali bahagian yang diketuai bukan ahli MT Umno," katanya.

Sebelum ini, Wan Mokhtar berkata, Badan Perhubungan Umno negeri membuat keputusan semua ahli Exco negeri tidak mencabar dan dicabar selaras dengan keputusan MT.

Beberapa Exco negeri, termasuk Tengku Putera Awang dan Datuk Syed Omar Mohamad dan Datuk Ibrahim Awang akan ditentang di bahagian masing-masing.

Tengku Putera yang juga Ketua Umno bahagian Hulu Terengganu akan dicabar bekas Ahli Dewan Undangan negeri Telemong, Datuk Ahmad Sidi Ismail, Syed Omar yang juga Ketua Umno bahagian Dungun dan timbalannya, Ibrahim akan dicabar Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Besi, Awang Jabar dan Rosli Mat Hassan (naib ketua bahagian Dungun).

(END)